

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PERSPEKTIF BAHARU
PERKEMBANGAN PERUNDANGAN
ISLAM DI SARAWAK**

NORANIZAH BINTI YUSUF

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

April 2025

ABSTRAK

Perundangan Islam merupakan elemen penting dalam sejarah perundangan di Sarawak dan kajian terhadap perkembangannya membuka ruang untuk memahami transformasi sosial dan politik yang telah berlaku. Namun, kajian komprehensif mengenai perkembangan perundangan Islam di Sarawak masih kurang diberikan perhatian dalam historiografi perundangan Islam di Malaysia. Hal ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana undang-undang Islam telah diamalkan dan bagaimana ia mengalami perubahan sepanjang zaman. Kajian ini memfokuskan kepada perkembangan perundangan Islam di Sarawak sebelum, semasa dan pasca penjajahan Barat. Objektif kajian ini adalah menjelaskan sejarah awal perkembangan perundangan Islam di Sarawak, menilai semula sejarah perkembangan perundangan Islam di Sarawak berdasarkan manuskrip Hukum Kanun Lawas, Hukum Kanun Lingga dan sumber lain yang ada serta membina perspektif baharu mengenai perkembangan perundangan Islam di Sarawak sepanjang era penjajahan Brooke dan British sehingga selepas kemerdekaan. Kajian ini menggunakan metode kajian sejarah yang melibatkan empat langkah utama, iaitu heuristik, kritikan sumber, analisis dan interpretasi data serta historiografi. Selain itu, kaedah temubual, triangulasi dan perbandingan manuskrip turut digunakan bagi memperkukuh analisis dan memastikan kesahihan data. Hasil kajian ini mengesahkan kewujudan manuskrip Hukum Kanun Lawas dan Hukum Kanun Lingga yang membuktikan bahawa perundangan Islam telah diamalkan di Sarawak pada zaman penguasaan Kesultanan Brunei. Kajian ini juga meneliti pelbagai sumber sejarah, termasuk catatan Brooke dan pegawainya serta surat-surat perjanjian Brooke dengan Sultan Brunei dan Pengiran Muda Hashim yang mengesahkan perundangan Islam memiliki peranan penting dalam sejarah Sarawak. Hasil analisis mendapati bahawa Sarawak memiliki asas perundangan Islam yang kukuh sebelum kedatangan penjajah. Perundangan Islam berperanan penting bukan sahaja dalam aspek undang-undang keluarga sebagaimana yang berlaku pada masa sekarang tetapi juga sebagai asas keadilan, pentadbiran dan diplomasi yang berlanjutan dari era Kesultanan Brunei hingga pemerintahan Brooke. Penjajahan Barat juga telah memberikan impak negatif terhadap pelaksanaan perundangan Islam di Sarawak yang akhirnya menyebabkan undang-undang Islam hanya digunakan untuk aspek tertentu sahaja dan tidak secara komprehensif seperti zaman sebelumnya. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perundangan Islam di Sarawak bukan sahaja memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam, tetapi juga membentuk struktur pentadbiran dan politik di negeri ini sebelum pengaruh kuat penjajahan Barat mengambil alih. Naratif baharu ini menekankan kepentingan perundangan Islam sebagai sebahagian daripada identiti sejarah dan budaya Sarawak yang perlu dipelihara. Penyelidikan lanjut perlu dilakukan untuk menggali lebih banyak maklumat dan memperkaya pengetahuan dan pemahaman tentang warisan sejarah undang-undang Islam di Sarawak seperti Hukum Kanun Lingga dan Hukum Kanun Lawas.

Kata kunci: *Perkembangan, perspektif baharu, perundangan Islam, Sarawak, sejarah*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini dan menyelesaikan tanggungjawab saya sebagai seorang pelajar. Tanpa bimbingan dan pertolongan-Nya, saya tidak akan dapat mencapai ke tahap ini dan setiap proses dalam perjalanan akademik ini telah dipermudahkan oleh-Nya. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada suami, Abdul Fatah dan anak-anak Alya Sufiyya, Affan Naufal, Umar Fareeq dan Ayyash Al Amin yang menjadi tulang belakang dan pembakar semangat untuk saya menyiapkan penyelidikan ini. Penghargaan turut diberikan kepada kedua ibu bapa dan ibu mertua saya yang banyak berdoa untuk kejayaan dan kelancaran saya sepanjang pengajian ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia tesis saya iaitu Prof Madya Dr Saimi bin Bujang dan Prof Madya Dr Abdul Razak bin Abdul Kadir atas dedikasi, komitmen, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua staf dan pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari di UiTM Samarahan dan UiTM Shah Alam yang telah memberikan sokongan dan nasihat yang tidak ternilai sepanjang pengajian saya. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan sejawat yang telah memberikan semangat dan motivasi serta kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini.

Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada perpustakaan UiTM kerana menyediakan sumber ilmiah yang bermanfaat dan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penyelesaian tesis ini, baik dalam bentuk nasihat, bimbingan, atau sokongan moral. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada juga kepada pihak Research Management Unit, UiTM Sarawak kerana memberikan dana kecemerlangan untuk membantu menampung kos-kos penyelidikan, Ketua Hakim Syarie Sarawak, Pengarah Majlis Islam Sarawak, Encik Abg Sakardi bin Abg Nor iaitu pemilik manuskrip Hukum Kanun Lingga, Jabatan Muzium Sarawak, IPSIS ACIS Shah Alam dan IPSIS UiTM Samarahan yang turut menyumbang dalam kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yayasan Sarawak atas tajaan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang telah mendoakan dan menyokong saya terutama dalam saat-saat sukar dan mencabar. Penghargaan ini adalah bukti penghormatan saya kepada setiap individu dan institusi yang telah menjadi sebahagian dari perjalanan akademik saya.

Sekian,

Noranizah Yusuf.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI GAMBAR	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
JADUAL TRANSLITERASI	xviii

BAB 1 PENGENALAN	20
1.1 Pendahuluan	20
1.2 Latar Belakang Kajian	20
1.3 Penyataan Masalah	24
1.4 Persoalan Kajian	27
1.5 Objektif Kajian	28
1.6 Skop Kajian	28
1.7 Limitasi Kajian	29
1.7.1 Limitasi Masa	29
1.7.2 Limitasi Tempat	30
1.7.3 Limitasi Sumber	30
1.8 Signifikan Kajian	31
1.8.1 Teoretikal	31
1.8.2 Metodologi	32
1.8.3 Praktikal	33
1.9 Kerangka Teori Kajian	34
1.10 Struktur Penulisan Kajian	43

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dilaksanakan. Melalui bab ini, perkara penting yang dibincangkan meliputi aspek-aspek asas dan fundamental yang perlu ada dalam setiap kajian. Aspek-aspek tersebut termasuk latar belakang kajian, permasalahan yang mencetuskan kajian ini serta bagaimana kajian dijalankan dan cara dapatan kajian diperolehi. Untuk merungkai perkara ini, struktur penulisan kajian yang digunakan merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, limitasi kajian, signifikan kajian, kerangka teori dan struktur penulisan bab. Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan maklumat asas tentang penyediaan kajian dan memberikan gambaran mengenai maksud serta tujuan kajian ini dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kelahiran agama Islam di Semenanjung Tanah Arab merupakan era baru dalam sejarah perkembangan tamadun manusia. Islam telah membawa satu dimensi baru dalam kehidupan manusia (Ramadhan al-Bhuti, 1996; Ahmad Shalaby, 1966; al-Khudhori Bik, 1996; Muhammad Ghazali, 1995). Tidak terkecuali, wilayah Asia Tenggara khususnya di Alam Melayu turut menerima pengaruh dan kesan daripada perkembangan ajaran Islam hasil daripada hubungan perdagangan dan aktiviti dakwah yang berlaku (Abd Jalil, 2014; Yahaya & Halimi, 1993). Menurut Hamka (2018) dan Awang (2015), kedatangan Islam ke Alam Melayu sangat istimewa iaitu dalam keadaan aman dan bukan dengan cara kekerasan atau peperangan (Awang, 2015).

Islam telah mengubah bentuk kepercayaan dan agama, pemikiran, sosial, politik dan pendidikan penduduk di Alam Melayu bertepatan dengan prinsip Islam sebagai '*the way of life*' atau Islam sebagai cara hidup yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia (Nasir, 2012; Badhrulhisham, 2017; Man, 2022). Islam secara syumul mentransformasikan kehidupan masyarakat di Alam Melayu dalam semua aspek sama ada dalam aspek sistem kepercayaan, ketatanegaraan, undang-undang, ilmu